



English Version

Januari 07, 2011 -Jumaat

Tentang MREM
Tentang Asianet
Laman Utama

MREM adalah sebuah perkhidmatan pengedaran siaran akhbar profesional oleh BERNAMA, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, sebuah pembekal kandungan berita yang terkemuka kepada media tempatan dan antarabangsa..

< terperinci >

Langganan

Siaran Media
Malaysia | Asianet

Acara

- ◆ PIPOC 2007
- ◆ LANGKAWI INTERNATIONAL DIALOGUE
- ◆ IKIM :THE ROLE OF ISLAMIC
- ◆ KL OIC HEALTH
- ◆ PERAK ROYAL EVENT
- ◆ DEVELOPING 8 (D8) MINISTERS MEETING ON FOOD SECURITY

lagi

Siaran Media

PERNEC PAYPOINT SUMBANG BECA KEPADA PERSATUAN BECA PELANCONGAN MELAKA

Thursday 16/12/2010

BANDARAYA MELAKA, 16 Disember 2010 –

Pernec PayPoint Sdn Bhd, anak syarikat Pernec Corporation Bhd, telah menyumbangkan dua buah beca yang dilengkapi dengan telefon awam GSM kepada Persatuan Beca Pelancongan Melaka.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Pernec PayPoint Tengku Asmaluddin Tengku Arshad, sumbangan beca tersebut adalah merupakan sebahagian dari komitmen Pernec dalam menjalankan tanggungjawab sosialnya untuk membantu individu individu dan persatuan persatuan tempatan.

Bercakap di majlis penyerahan beca itu di Muzium UMNO di sini hari ini, Tengku Asmaluddin berkata Pernec PayPoint berbesar hati untuk membuat sumbangan tersebut.

Beliau berkata: "Seperti yang kita maklum, Melaka dikenali ramai sebagai sebuah negeri pelancongan, dan baru-baru ini Kerajaan Negeri juga telah mengisytiharkan Melaka sebagai sebuah negeri Maju 2010. Sektor pelancongan adalah merupakan pemangkin yang penting kepada perkembangan ekonomi negara dan perkhidmatan pengangkutan beca adalah begitu sinonim dengan produk pelancongan Melaka.

"Oleh itu, kami berharap sumbangan kami ini mampu menggalakkan pertumbuhan dan menyumbang kepada pendapatan industri pelancongan negeri Melaka."

Beca bertelefon Pernec PayPoint ini adalah unik dimana para penyewa terutamanya di kalangan pelancong ke Bandaraya Bersejarah ini dapat membuat panggilan telefon kepada sesiapa sahaja sambil menikmati keindahan bandaraya ini.

Beca ini mula diperkenalkan di majlis perasmian Digital Pagoh di Johor tidak lama dulu dan telah menarik perhatian Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim.

Sebagai sebuah syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi, Tengku Asmaluddin berkata Pernec PayPoint juga telah memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan tambah nilai seperti helo hotspot dan helo ads demi memastikan bidang perniagaan telefon awam ini terus kekal relevan disebalik perkembangan pesat teknologi teknologi telekomunikasi pada hari ini.

Menurutnya lagi, pihaknya kini sedang menjalankan proses pemasangan TM Wifi Streamyx dengan bekerjasama dengan pihak Telekom Malaysia bagi membolehkan pelanggan TM melayari internet jalur lebar menggunakan kaedah wireless fidelity atau WiFi.

"Selain itu, pihak kami juga ada menjual kadfon iaitu satu produk kad prabayar untuk digunapakai di telefon awam. Dengan adanya produk seperti kadfon ini sebenarnya membuka peluang kepada ahli ahli persatuan untuk menambah pendapatan mereka," kata Tengku Asmaluddin.

Beliau menjelaskan pihak Pernec PayPoint bercadang untuk berbincang dengan pihak Persatuan Beca Pelancongan Melaka untuk berkerjasama dan melantik ahli-ahli persatuan sebagai 'mobile agent' bagi kadfon ini. Skim ini menawarkan komisyen yang menarik yang secara tidak langsung akan menjadi satu sumber rezeki tambahan kepada mereka.

Maklumat Tentang Pernec Corporation Bhd

Pernec Corporation Bhd ditubuhkan pada tahun 1973 dan adalah satu syarikat usahasama di antara Amanah Raya Bhd (Skim Amanah Saham Bumiputera), Permodalan Nasional Bhd dan NEC Corporation dari Jepun. Di dalam syarikat ini, terdapat tujuh subsidiari yang terlibat di dalam bidang yang berbeza di dalam sector komunikasi dan teknologi maklumat seperti infrastruktur telekomunikasi, perusahaan dan perkhidmatan, infrastruktur dan solusi teknologi maklumat, solusi kewangan Islam dan operasi telefon awam.

Semenjak penubuhannya, Pernec telah mencatatkan peningkatan operasi yang memberangsangkan dan hari ini dikenali sebagai salah satu syarikat yang terkemuka di dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat dan komunikasi, dan telah member berbagai solusi dan produk untuk pelanggan yang meliputi berbagai bidang di dalam dan luar Negara.

Bersesuaian dengan strategi perniagaan yang diperbaharui, kumpulan ini telah mengenal pasti beberapa inisiatif baru seperti system eRas, teknologi hijau dan juga portal perniagaan Halalsquare dan eBekal yang berpotensi untuk melebarkan lagi lajuran pendapatannya di dalam usaha untuk mengekalkan reputasi sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing di dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompetitif.

SUMBER: PERNEC CORPORATION BERHAD

UNTUK MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:

NAMA : MR DAFIZECK DAUD
HEAD, MEDIA RELATIONS
TEL : 603-42596000
FAKS : 603-42577659
EMEL : dafizeck@pernec.com.my

TARIKH SIARAN: 16 DISEMBER 2010

DISIARKAN OLEH PERHUBUNGAN MEDIA & PENGURUSAN ACARA BERNAMA

Copyright © 2010 MREM . All rights reserved.